

**Tasawwur
Islam
SPM
OGOS
2019
2 ½ Jam**



**JABATAN PELAJARAN NEGERI
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019**

**TASAWWUR ISLAM
KERTAS 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan merupakan hak cipta **Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**.

Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja.

Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk tulisan dan percetakan.

Kertas ini mengandungi 8 halaman yang bercetak

1.	a)	(i)	Maksud Uluhiyyah ialah: Uluhiyyah ialah mengakui bahawa hanya Allah yang Esa yang layak disembah, ditaati dan dipatuhi secara mutlak.	1 isi x 2m (2 markah)						
		(ii)	Dua konsep Uluhiyyah ialah: -Mengakui hanya Allah yang layak disembah dan ditaati . -Paksi utama keimanan kepada tauhid Uluhiyyah ialah kalimah syahadah. -Orang yang tidak beriman dengan Tauhid Uluhiyyah menjadi sesat.	2 isi x 2m (4 markah)						
	b)		Dua kesan tidak mempercayai alam ghaib terhadap individu: -menjadi kufur/murtad kerana melanggar rukun iman -menerima balasan azab seperti neraka	2 isi x 2m (4 markah)						
	c)	i)	Dua ciri wahyu ialah: -Wahyu datangnya daripada Allah -Wahyu diturunkan kepada nabi dan rasul -Kandungannya merupakan ajaran yang sesuai diamalkan sepanjang zaman -Wahyu terpelihara kandungannya	2 isi x 1m (2 markah)						
		(ii)	Jelaskan dua perbezaan ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah. <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Fardhu Ain</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Fardhu Kifayah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Ilmu yang berkaitan dengan amalan yang wajib diketahui dan diamalkan oleh setiap individu muslim</td> <td style="padding: 5px;">Ilmu berkaitan dengan kehidupan di dunia yang membawa faedah kepada manusia.</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Contoh ilmu syariah, akidah dan akhlak .</td> <td style="padding: 5px;">Contoh ilmu kedoktoran, kejuruteraan, pertanian dan lain2.</td> </tr> </tbody> </table>	Fardhu Ain	Fardhu Kifayah	Ilmu yang berkaitan dengan amalan yang wajib diketahui dan diamalkan oleh setiap individu muslim	Ilmu berkaitan dengan kehidupan di dunia yang membawa faedah kepada manusia.	Contoh ilmu syariah, akidah dan akhlak .	Contoh ilmu kedoktoran, kejuruteraan, pertanian dan lain2.	2 isi x 2m (4 markah)
Fardhu Ain	Fardhu Kifayah									
Ilmu yang berkaitan dengan amalan yang wajib diketahui dan diamalkan oleh setiap individu muslim	Ilmu berkaitan dengan kehidupan di dunia yang membawa faedah kepada manusia.									
Contoh ilmu syariah, akidah dan akhlak .	Contoh ilmu kedoktoran, kejuruteraan, pertanian dan lain2.									
	d)		Berdasarkan petikan akhbar di atas, mengapakah berlakunya kejadian di pencemaran tersebut. Sikap rakus dan tamak pihak tertentu (I-1m) menyebabkan pencemaran berlaku sehingga membahayakan nyawa penduduk di kawasan sekitar.(H-1m) Sekiranya keadaan tersebut berterusan, keadaan akan bertambah buruk dan tidak terkawal.(HL-1m) Oleh itu, pihak berkuasa perlu mengambil tindakan pihak tersebut agar tidak berlaku pencemaran seperti itu.(K-1m)	[4 markah]						
2.	a)	i)	Maksud Rabbaniyyah: Ketuhanan iaitu segala hukum, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah.	1 isi x 2m (2 markah)						

		ii)	<p>Dua perbezaan antara agama langit dan agama budaya</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Agama langit</th><th>Agama budaya</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ajaran yang bersumberkan Allah</td><td>Dihasilkan melalui pemikiran manusia</td></tr> <tr> <td>Disampaikan oleh nabi dan rasul</td><td>Disampaikan oleh pengasasnya</td></tr> <tr> <td>Contoh Islam , Yahudi , Nasrani</td><td>Contoh Buddha, Hindu, Majusi</td></tr> </tbody> </table>	Agama langit	Agama budaya	Ajaran yang bersumberkan Allah	Dihasilkan melalui pemikiran manusia	Disampaikan oleh nabi dan rasul	Disampaikan oleh pengasasnya	Contoh Islam , Yahudi , Nasrani	Contoh Buddha, Hindu, Majusi	2 isi x 2m (4 markah)
Agama langit	Agama budaya											
Ajaran yang bersumberkan Allah	Dihasilkan melalui pemikiran manusia											
Disampaikan oleh nabi dan rasul	Disampaikan oleh pengasasnya											
Contoh Islam , Yahudi , Nasrani	Contoh Buddha, Hindu, Majusi											
	b)	i)	<p>Dua contoh hak asasi manusia.</p> <ul style="list-style-type: none"> -Kebebasan beragama -Kebebasan bersuara -Kebebasan memiliki harta -Kebebasan melindungi nyawa -Kebebasan memelihara kehormatan -Kebebasan memelihara harta benda 	2 isi x 1m (2 markah)								
		ii)	<p>Bukti Islam bersifat Alamiyyah dalam bidang:</p> <p>Sosial:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Tiada paksaan dalam memeluk Islam -Kebebasan mengamalkan agama dan budaya -Kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat <p>Ibadat</p> <ul style="list-style-type: none"> -Fardu ain dan fardhu kifayah ialah satu kewajipan ke atas umat Islam -Setiap kerja dikira ibadah jika mengikut syaratnya -Setiap amalan diberi balasan 	2 isi x 2m (4 markah)								
	c)	i)	<p>Dua kelebihan sifat murunah dalam kehidupan manusia.</p> <ul style="list-style-type: none"> -Menunjukkan sifat toleransi dan berhikmahnya Islam. -Menarik minat orang bukan Islam untuk memahami Islam -Memastikan kesinambungan Islam dan ajarannya -Menggalakkan umat Islam mentaati dan melaksanakan perintah Allah dengan sempurna. 	2 isi x 2m (4 markah)								
		ii)	<p>Konsep pandangan hidup Islam yang sesuai dilaksanakan.(KBAT)</p> <p>Konsep thabat kerana melaksanakan undang-undang Islam merupakan satu kewajipan yang wajib dilaksanakan oleh setiap negara Islam. Ini bagi mengelakkan perbuatan zina tidak berulang dan dapat mengurangkan masalah sosial. Kesimpulannya,negara akan menjadi aman dan tidak dimurkai Allah SWT.</p>	[4 markah]								

3	a)	(i)	<p>Dua elemen penting dalam pembentukan sebuah negara Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> -Wilayah -Undang-undang -Majlis Syura -Badan Kehakiman -Ketua Negara -Pentadbiran dan Penguatkuasaan -Rakyat 	<i>2 isi x 1m</i> <i>(2 markah)</i>
		(ii)	<p>Jelaskan dua ciri Negara Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> -Berdasarkan al Quran dan Hadis. -Melaksanakan amar makruf nahi mungkar -Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan -Jaminan kebebasan hak asasi -Ketua negara yang adil -Majlis Syura sebagai asas pemerintahan 	<i>2 isi x 2m</i> <i>(4 markah)</i>
	b)	i)	<p>Dua matlamat sistem kehakiman Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> -Menegakkan keadilan(1m).....(1m) -Menentang kezaliman(1m).....(1m) -Membela yang dizalimi(1m).....(1m) 	<i>2 isi x 2m</i> <i>(4 markah)</i>
		ii)	<p>Contoh hukum berlandaskan qias.</p> <ul style="list-style-type: none"> -Pengharaman dadah /benda memabukkan diqiasakan dengan pengharaman arak disebabkan mempunyai illah yang sama iaitu memabukkan. 	<i>1 isi x 2m</i> <i>(2 markah)</i>
	c)	i)	<p>Dua tanggungjawab manusia terhadap Allah SWT.</p> <ul style="list-style-type: none"> -mematuhi perintah dan larangan Allah agar menjadi muslim sebenar. -sentiasa berdoa dan mengingatiNya agar beroleh ketenangan jiwa. 	<i>2 isi x 2m</i> <i>(4 markah)</i>
		ii)	<p>Bagaimakah ukhuwwah Islamiyyah dapat dibentuk dalam kehidupan masyarakat. (KBAT)</p> <p>Sentiasa mengamalkan akhlak yang mulia ketika bergaul seperti hormat menghormati dan toleransi. Kesannya , masyarakat akan hidup aman serta terhindar daripada gejala yang negatif. Oleh itu, umat Islam hendaklah menerapkan nilai yang baik dalam diri agar hidup diberkati Allah SWT.</p>	<i>(4 markah)</i>
4	a)	i)	<p>Dua bahagian harta dalam dalam Islam.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Harta boleh alih 2.Harta tidak boleh alih 	<i>2 isi x 1m</i> <i>(2 markah)</i>
		ii)	<p>Dua cara pencarian harta menjadi ibadat.</p> <ul style="list-style-type: none"> -melalui pekerjaan yang halal -tidak meninggalkan ibadah fardhu -ikhlas kerana Allah 	<i>2 isi x 2m</i> <i>(4 markah)</i>

	b)	(i)	Dua peranan harta dalam memberi kebahagiaan di dunia dan akhirat. -memanfaatkan harta ke jalan Allah seperti bersedekah. -melaksanakan ibadah wajib seperti zakat dan haji	2 isi x 2m (4 markah)
		(ii)	Dua kesan ketiadaan pengiktirafan hak milik harta. - malas untuk berusaha kerana merasakan hartanya dirampas orang lain. -tidak bebas untuk mengguna dan memanfaatkan harta yang dimiliki -harta yang dimiliki tidak dapat diwarisi oleh pewaris mereka.	2 isi x 2m (4 markah)
	(c)	(i)	Maksud al-Bai' bithaman ajil. Kontrak jual beli dengan bayaran tertangguh.	1 isi x 2m (2 markah)
		(ii)	Tindakan sekiranya bekerja di sebuah pasaraya yang menjual barang tidak halal. En. Hasmadi perlu mencari pekerjaan lain yang tidak mempunyai unsur barang yang haram agar pendapatan beliau diberkati oleh Allah SWT. Sekiranya tidak mampu, beliau perlu berusaha mengelakkan dari terlibat dari barang tersebut supaya tidak berdosa. Oleh itu, sebagai umat Islam,kita perlulah mencari harta dan perkerjaan yang halal agar dimurahkan rezeki oleh Allah SWT.	[4 markah]
5	(a)		Maksud perundangan Islam. -ialah hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah kepada manusia yang merangkumi aspek akidah, syariah, akhlak dan sebagainya.	1 isi x 2m (2 markah)
	(b)		Jelaskan dua keperluan perundangan Islam kepada individu. -untuk melahirkan jiwa yang tenang -untuk kehidupan yang berjaya -untuk mendapat kehidupan yang diberkati Allah	2 isi x 2m (4 markah)
	(c)		Dua kebaikan fekah. -membolehkan umat Islam melaksanakan ibadat tanpa keraguan -menjadikan hukum Islam berkembang serta sesuai dengan masa, tempat dan keadaan. -menentukan hukum Islam sesuai diamalkan dalam kehidupan manusia	2 isi x 2m (4 markah)
	(d)	(i)	Senaraikan contoh ibadah khusus dan ibadah umum. -Contoh ibadah khusus ialah solat, puasa, zakat dan haji, membaca Quran -Contoh ibadah umum ialah menuntut ilmu, membuat penyelidikan, dan lain2	2 isi x 1m (2 markah)

		(ii)	<p>Jelaskan dua perkaitan ibadah khusus dengan ibadah umum.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Ibadat khusus</th><th>Ibadat umum</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menghapuskan dosa dan kesalahan kecil seseorang</td><td>Menghapuskan segala akhlak buruk</td></tr> <tr> <td>Melahirkan individu yang bersih jiwanya</td><td>Melahirkan masyarakat dan negara yang aman damai</td></tr> <tr> <td>Meningkatkan ekonomi diri dan keluarga</td><td>Meningkatkan ekonomi negara</td></tr> </tbody> </table>	Ibadat khusus	Ibadat umum	Menghapuskan dosa dan kesalahan kecil seseorang	Menghapuskan segala akhlak buruk	Melahirkan individu yang bersih jiwanya	Melahirkan masyarakat dan negara yang aman damai	Meningkatkan ekonomi diri dan keluarga	Meningkatkan ekonomi negara	2 isi x 2m (4 markah)
Ibadat khusus	Ibadat umum											
Menghapuskan dosa dan kesalahan kecil seseorang	Menghapuskan segala akhlak buruk											
Melahirkan individu yang bersih jiwanya	Melahirkan masyarakat dan negara yang aman damai											
Meningkatkan ekonomi diri dan keluarga	Meningkatkan ekonomi negara											
		(e)	<p>Pandangan tentang isu perceraian ketika usia perkahwinan lima tahun ke bawah.(KBAT)</p> <p>Setiap pasangan yang hendak berkahwin perlu mempunyai ilmu yang mencukupi tentang alam rumah tangga agar rumah tangga yang dibina terhindar dari keruntuhan dan kerosakan. Contohnya, suami dan isteri perlu mengetahui tanggungjawab masing-masing supaya rumah tangga kekal bahagia. Kesimpulannya, setiap pasangan yang hendak berkahwin perlu sentiasa bersabar dan memikirkan kesan sekiranya berlaku perceraian dalam keluarga.</p>	[4 markah]								
6	(a)	(i)	<p>Maksud penyelesaian masalah menurut Islam ialah menyelesaikan masalah umat manusia dilakukan berdasarkan syariat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT dengan mengambil kira semua aspek kehidupan manusia yang meliputi ekonomi, politik, sosial, perundangan dan sebagainya.</p>	1 isi x 2m (2 markah)								
		(ii)	<p>Jelaskan dua kemampuan Islam menyelesaikan masalah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Islam telah mensyariatkan pelbagai peraturan dan hukum dalam mengawal setiap aktiviti manusia agar mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. - Islam juga telah menyediakan cara penyelesaian sesuatu masalah dengan terperinci dan bersistematik. Contohnya Islam mengharamkan pergaulan bebas dan perzinaan dalam menyelesaikan masalah pembuangan bayi. - Islam menyediakan pembalasan ke atas semua perbuatan manusia sama ada di dunia dan akhirat, jika seseorang itu terlepas daripada menerima pembalasan semasa di dunia, dia akan mendapat pembalasan semasa di akhirat. 	2 isi x 2m (4 markah)								

	(b)	(i)	<p>Tiga amalan yang boleh dilakukan dalam menyelesaikan masalah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melalui Al-Quran -Al-Quran merupakan sumber utama penyelesaian masalah menurut Islam. Segala hukum dan peraturan dalam Islam adalah sesuai dengan fitrah semula jadi manusia. • Melalui al-Hadis-Al-hadis merupakan sumber rujukan yang kedua selepas al-Quran dan ia juga merupakan pentafsir dan penguat kepada al-Quran. Jika sesuatu hukum tidak dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran, maka perkara tersebut akan di rujuk kepada al-hadis • Melalui tindakan oleh pemerintah-Pemerintah bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah yang berlaku dalam negara. Rakyat pula mestilah mematuhi keputusan yang • Melalui Dakwah-Dakwah merupakan satu usaha untuk mengubah suatu keadaan yang belum Islam kepada keadaan yang mempunyai nilai-nilai Islam. • Melalui pendidikan- manusia dapat mengeluarkan diri mereka daipada pelbagai masalah seperti kejahanan, mudah berputus asa dan malas untuk berusaha • Melalui Doa-Doa ialah cara untuk memohon kebaikan atau menolak sesuatu keburukan kepada Allah SWT. Seseorang yang menghadapi masalah mestilah berdoa kepada Allah SWT supaya masalah yang dihadapinya dapat diselesaikan dengan baik, • Melalui Kesungguhan bekerja- Bekerja dengan bersungguh-sungguh merupakan asas kejayaan. Melalui bekerja dengan bersungguh-sungguh, masalah dapat diselesaikan dengan baik. • Melalui pegangan agama yang teguh - menjadikan seseorang itu tidak mudah berputus asa dan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan masalah dengan baik dan sempurna 	<i>3 isi x 2m (6 markah)</i>
	(c)		<p>Langkah penyelesaian isu jaminan keselamatan melalui</p> <ol style="list-style-type: none"> i) Akidah - Meyakini bahawa Allah SWT mewajibkan setiap umat Islam menjaga keselamatan diri sendiri dan orang lain. ii) Akhlak - umat Islam perlu mematuhi undang-undang dan peraturan negara dan mengamalkan akhlak mulia dalam kehidupan 	<i>2 isi x 2m (4 markah)</i>

	(d)	<p>Kaedah jaminan keselamatan terhadap keberanian remaja melakukan jenayah..(KBAT)</p> <p>Islam mengenakan hukuman yang berat kepada mereka yang melakukan jenayah kerana perbuatan tersebut menyebabkan huru hara dalam masyarakat. Contohnya, jika perbuatan merompak tidak dikenakan hukuman yang penjara atau dipotong tangan, penjenayah akan sewenang-wenangnya melakukan jenayah tanpa rasa takut. Oleh itu, perundangan Islam wajib dilaksanakan agar masyarakat dapat hidup dalam keadaan harmoni.</p>	(4 markah)								
7	(a)	<p>Dua jenis muamalah Islam ialah:</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%;">-Al Wadiyah</td> <td style="width: 50%;">-Al Musyarakah</td> </tr> <tr> <td>-Al Rahn</td> <td>-Al Bai'Bithaman Ajil</td> </tr> <tr> <td>-Al Ijarah</td> <td>-Al Takaful</td> </tr> <tr> <td>-Al Mudharabah</td> <td>-Al Murabahah</td> </tr> </table>	-Al Wadiyah	-Al Musyarakah	-Al Rahn	-Al Bai'Bithaman Ajil	-Al Ijarah	-Al Takaful	-Al Mudharabah	-Al Murabahah	2 isi x 1m (2 markah)
-Al Wadiyah	-Al Musyarakah										
-Al Rahn	-Al Bai'Bithaman Ajil										
-Al Ijarah	-Al Takaful										
-Al Mudharabah	-Al Murabahah										
	(ii)	<p>Jelaskan dua kepentingan muamalah Islam:</p> <p>-Manusia dapat saling mengenali(1m).....(1m)</p> <p>-Manusia dapat saling menolong(1m).....(1m)</p> <p>-Manusia dapat saling berhubung(1m).....(1m)</p> <p>-Manusia dapat menikmati kurniaan Allah(1m).....(1m)</p>	2 isi x 2m (4 markah)								
	(b)	<p>Dua contoh hukum bagi setiap hukum</p> <p>a) makruh-membasuh anggota wudhuk melebihi tiga kali,tidur berlebihan di bulan Ramadhan</p> <p>b) haram-minum arak,berjudi, berzina, mencuri</p>	2 isi x 2m (4 markah)								
	(c)	<p>Apakah yang akan terjadi kepada ekonomi negara jika rasuah berleluasa.</p> <p>Pertumbuhan ekonomi negara akan terbantut kerana rasuah menyebabkan berkurangnya pendapatan negara akibat sikap rakyat yang hanya mementingkan keuntungan sendiri daripada negara. Kesannya, rakyat yang miskin sering tertindas sehingga negara kekurangan punca ekonomi. Oleh itu, umat Islam wajib hindari rasuah agar ekonomi negara diberkati Allah.</p>	[4 markah]								
	(d)	<p>Tiga cara mewujudkan kesaksamaan sosial kepada masyarakat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • mewujudkan hubungan baik sesama manusia agar perpaduan dapat dieratkan. • sentiasa membantu golongan tidak bernasib baik seperti zakat dan sedekah. • sentiasa melakukan kebajikan dengan ikhlas agar masyarakat lebih aman dan harmoni 	3 isi x 2m (6 markah)								

